

Kenyataan Media
16 June 2023

Global Bersih menyeru Misi Diplomatik Malaysia(MFM) di luar negara dan Wisma Putra untuk menyebarkan maklumat yang tepat dan memainkan peranan penting dalam menggerakkan rakyat Malaysia di luar negara untuk pilihan raya negeri yang akan datang.

Global Bersih amat terkejut bahawa beberapa Misi Diplomatik Malaysia (MFM) di luar negara masih berkongsi maklumat yang salah dan lapuk tentang pengundian dari luar negara di laman web mereka.

Malah sehingga hari ini, laman web Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Wellington (New Zealand) masih berkongsi maklumat lapuk dari PRU13 yang menyeru rakyat Malaysia di luar negara mendaftar secara manual di pejabat MFM dan menerima kertas undi mereka di Suruhanjaya Tinggi tersebut¹. Laman web itu juga menyenaraikan kriteria yang telah dimansuhkan seperti kriteria keperluan berada selama 30 hari di Malaysia dalam tempoh lima tahun sebelum pilihan raya dan pengundi luar negara yang tinggal di Thailand Selatan, Singapura, Brunei, Indonesia dan Kalimantan tidak termasuk dalam sistem pengundian luar negara. Laman web Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Canberra (Australia) memaklumkan rakyat Malaysia di luar negara bahawa umur mengundi adalah 21 tahun ke atas, dan rakyat Malaysia di luar negara mesti kembali ke kawasan mengundi mereka di Malaysia untuk mengundi². Laman web Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Muscat pula menyatakan umur mengundi adalah 21 tahun dan rakyat Malaysia di luar negara boleh mendaftar hanya di pejabat MFM untuk menjadi pengundi³. Terdapat banyak MFM, seperti di Hong Kong, dan New York, yang tidak mempunyai maklumat mengenai pengundian di luar negara secara umum atau mengenai pilihan raya negeri yang akan datang.

MFM adalah amat penting bagi rakyat Malaysia di luar negara untuk mendapatkan maklumat yang sahih. Oleh itu maklumat yang salah akan mengelirukan lagi diaspora Malaysia yang sering dilupakan dalam usaha mobilisasi pengundi. Global Bersih telah berusaha sejak PRU14 untuk mendesak pihak MFM untuk mengambil inisiatif dan bertanggungjawab dalam penyebaran maklumat dan mobilisasi pengundi luar negara, dengan menggunakan maklumat yang sedia ada dari Suruhanjaya Pilihan Raya.

Bagi memastikan ketepatan dalam penyebaran maklumat, Global Bersih mencadangkan agar penyebaran maklumat dipusatkan di portal Wisma Putra. Maklumat mengenai pengundian luar negara yang selalunya dikongsi di papan pemuka portal hendaklah

¹ https://www.kln.gov.my/web/nzl_wellington/other_information/-/asset_publisher/2TQe/content/pengundian-pos-di-luar-negara-overseas-postal-voting

² https://www.kln.gov.my/web/aus_canberra/other_information/-/asset_publisher/2TQe/content/registration-of-voters

https://www.kln.gov.my/web/omn_muscat/other_information

disusun di bawah bahagian khas di portal tersebut. Bahagian khas ini hendaklah dilabelkan dengan jelas and dipaparkan di laman utama supaya ia dapat dikenal pasti dengan segera sebagai sumber maklumat untuk pengundi luar negara. MFM di seluruh dunia harus menautkan halaman mereka ke bahagian khas ini. Dengan cara ini, kita boleh memastikan bahawa semua MFM di seluruh dunia dapat memberikan maklumat yang tepat dan konsisten dengan serta-merta.

Walaupun rakyat Malaysia di luar negara masih memahami dan bertutur dalam bahasa kebangsaan, mereka tidak begitu mahir dengan perkembangan terkini Bahasa Melayu sejak beberapa tahun kebelakangan ini, disebabkan kekangan untuk menggunakan bahasa ini secara meluas di luar negara. Oleh yang demikian kami sarankan agar semua maklumat perlu disediakan dalam dwibahasa- Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.

Global Bersih juga menggalakkan MFM berkerjasama dengan Global Bersih di negara tuan rumah mereka kerana kami adalah sebahagian daripada diaspora dan boleh mengenal pasti keperluan masyarakat Malaysia di luar negara dan membantu MFM dalam menyebarkan maklumat di kalangan diaspora.

Cadangan Global Bersih yang lain untuk Wisma Putra adalah seperti di bawah:

- MFM hendaklah secara aktif memaklumkan/mengingatkan rakyat Malaysia di luar negara mengenai tarikh-tarikh penting yang berkaitan dengan pengundian pos.
- Menggalakkan lebih banyak perbincangan di kalangan diaspora mengenai hal hal pilihan raya, cth. menganjurkan atau mengambil bahagian dalam seminar atau webinar, atau mengambil peluang di acara/majlis social untuk menyebarkan maklumat.
- Mengambil pendekatan tidak partisan dalam pendidikan pengundi luar negara.
- Mendekati pelajar Malaysia di luar negara secara khusus melalui kerjasama dengan JPA dan MARA untuk memastikan pelajar-pelajar di luar negara ini mendapat maklumat dan digerakkan untuk mengundi.
- Untuk mewujudkan persekitaran positif untuk para pelajar melibatkan diri dalam demokrasi atau aktiviti berkaitan pengundian.

Global Bersih telah membuat cadangan penuh kepada Kementerian Luar Negeri, yang boleh didapati di [sini](#).

Selaras dengan peranan mereka untuk membantu rakyat Malaysia di luar negara, kami percaya bahawa MFM harus memainkan peranan penting dalam membantu memastikan pengundi Malaysia di luar negara dimaklumkan dengan secukupnya dan digerakkan untuk menyertai pilihan raya negeri yang akan datang.

Global Bersih menggesa semua rakyat Malaysia di luar negara tanpa akaun pengguna MySPR, untuk membuka akaun secepat mungkin dan mereka yang layak mengundi untuk pilihan raya negeri akan datang, untuk mendaftar sebagai pengundi pos luar negara mulai 15 Jun walaupun mereka telah mendaftar sebagai pengundi pos luar negara sebelum ini. Pengundi luar negara di bawah kategori 'Pengundi Tidak Hadir' (PTH) Luar Negara mesti menyemak dan mengemaskini alamat mereka dengan Suruhanjaya Pilihan Raya pada atau sebelum 23 Jun. Maklumat dan panduan yang lebih terperinci akan dikongsi oleh Global Bersih di saluran media sosialnya.

Global Bersih ialah gerakan antarabangsa bukan partisan rakyat Malaysia di luar negara yang menumpukan pada reformasi pilihan raya untuk memperjuangkan hak diaspora Malaysia.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi
Nirmala Devi Windgaetter
Setiausaha Agung
nirmala.wind@globalbersih.org
+49 1722389665
Global Bersih
15 Cours des Bastions
CH-1205
Geneva, Switzerland
www.globalbersih.org
facebook.com/GlobalBersih
twitter.com/GlobalBersih
tiktok.com/@globalbersih
instagram.com/global_bersih
linkedin.com/company/globalbersih